

Jangan malu dengan persyarikatan Malaysia

UM 11 MAY 2005

KUALA LUMPUR 10 Mei — Rakyat negara ini tidak perlu malu dengan pelaksanaan persyarikatan Malaysia kerana ia membolehkan Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, masih ada penduduk negara ini yang enggan mengakui bahawa sebahagian daripada kejayaan Malaysia adalah disebabkan oleh konsep persyarikatan Malaysia.

“Bagaimanapun saya percaya sebahagian besar pembangunan pantas Malaysia adalah disebabkan oleh konsep ini.

“Malah kerajaan merupakan rakan niaga dalam setiap perniagaan dalam negara dan rakan niaga mempunyai tanggungjawab bagi membantu kejayaan perniagaan,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) 2005, di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau menyedari ramai penduduk Malaysia yang berasa malu terhadap konsep yang melibatkan kerjasama rapat antara kerajaan dengan sektor swasta itu kerana percaya ia menyebabkan kronisme yang merupakan amalan keji dan dikutuk.

Katanya, kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta bukannya sesuatu yang baru di Malaysia atau pun di Asia Timur.

Konsep

Di Eropah, konsep itu telah lama diguna pakai tetapi penggunaannya melibatkan penaklukan tentera bagi memastikan kejayaan ahli perniagaan, terutama yang terlibat dengan kerajaan.

Jelasnya, dasar kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta di negara ini tidak melibatkan penggunaan kekerasan dan semuanya dilakukan secara sah.

“Tiada sesiapa yang dirampas harta benda mere-

ka, malah seluruh negara mendapat manfaat.

“Bagaimana Malaysia boleh mencatatkan pertumbuhan yang tinggi jika konsep persyarikatan Malaysia menjejaskan ekonomi dan penduduknya?” soalnya.

Dr. Mahathir berkata, konsep persyarikatan Malaysia dicetuskan daripada idea bahawa kejayaan syarikat swasta bukan sahaja memberi manfaat kepada pemiliknya tetapi juga kerajaan dan penduduk sesebuah negara.

Sementara itu, Dr. Mahathir pada sesi dialog berkata, secara am, syarikat-syarikat tempatan adalah diuruskan dengan baik dan berupaya untuk memperoleh keuntungan.

Apabila syarikat mencatatkan keuntungan, pendapatan kerajaan akan meningkat menerusi kutipan cukai yang juga akan dinikmati oleh penduduk, katanya.